

KESEDIAAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU DALAM PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Tay Meng Guat

Kirak Sare

Litat Bilung

Jabatan Pengajian Melayu

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kesediaan pelajar institut pendidikan guru dari aspek minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Seramai 98 orang pelajar pengkhususan bahasa Cina, Inggeris dan Melayu Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang sedang menjalani praktikum selama 12 minggu terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan secara deskriptif dengan menggunakan soal selidik. Perisian SPSS versi 20 digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul dan dibentangkan dalam bentuk statistik deskriptif yang merangkumi taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan pelajar institut pendidikan guru dalam pelaksanaan KSSR secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi ($M = 4.16$). Hasil kajian mendapati semua aspek kesediaan berada pada tahap tinggi dengan min bagi setiap aspek seperti berikut: minat ($M = 4.20$), sikap ($M = 4.16$), pengetahuan ($M = 4.14$) dan kemahiran ($M = 4.14$). Melalui ujian- t dan ANOVA masing-masing menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan mengikut jantina dan pengkhususan.

Kata kunci: kesediaan, minat, sikap, pengetahuan, kemahiran, KSSR.

Abstract

This study was conducted to investigate the level of readiness of students in teacher education institut in implementing the Standard Primary School Curriculum (KSSR). The aspects investigated included their interest, attitude, knowledge and skills. Ninety eight students majoring in Chinese, English and Malay language who were undergoing 12 weeks of practicum participated in this study. This research is based on descriptive using questionnaire. The data obtained was analyzed using SPSS version 20 and presented in the form of descriptive statistics which include distribution frequency, percentage, means and standard deviation. The finding indicated that the overall readiness level of participants was high ($M = 4.16$). The mean scores for all aspects of readiness were high as below: interest ($M = 4.20$), attitude ($M = 4.16$), knowledge ($M = 4.14$) and skills ($M = 4.14$). Statistical analysis using t -test and ANOVA revealed that there were no significant differences in readiness level according to gender and subjects major.

Key words: readiness, interest, attitude, knowledge, skills, KSSR.

Pengenalan

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) adalah satu transformasi yang akan menggantikan kurikulum yang sedia ada iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan rendah agar lebih relevan dengan cabaran masa semasa. Transformasi kurikulum sekolah rendah ini merupakan penyusunan semula dan penambahbaikan kurikulum persekolahan rendah sedia ada. Tujuan transformasi adalah untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011a). Fokus transformasi kurikulum persekolahan rendah bukan sekadar melibatkan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M), sebaliknya mengambil kira kemahiran penaakulan, kreativiti dan inovasi, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) serta elemen keusahawanan. Di samping itu, perubahan-perubahan juga berlaku dari segi isi kandungan, peruntukan masa pengajaran, pentaksiran, pedagogi, organisasi, bahan dan pengurusan kurikulum. Dalam tempoh transformasi kurikulum ini, guru harus bersedia menerima perubahan dan menyediakan diri dengan bentuk perubahan yang berlaku secara drastik ini. Guru penentu kejayaan atau

kegagalan kurikulum kerana guru merupakan penggerak kepada kesinambungan kurikulum (Kementerian Pelajaran Malaysia 2010).

Peranan Guru dalam Pelaksanaan KSSR

Peranan guru sebagai tunjang utama dalam memperkasakan dan memajukan bidang pendidikan di negara ini sememangnya tidak dapat dinafikan lagi (Mohd. Fadzly Mohd. Izab, 2011). Fungsi dan peranan guru dipandang tinggi dan diiktiraf bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, jurutera sosial, penyubur perpaduan, pencorak minda, pembangun sahsiah malah sebagai agen perubahan. Guru adalah orang terpenting dan perantara dalam bidang pendidikan untuk menyampaikan segala ilmu pengetahuan kepada pelajar dan seterusnya diaplikasikan dan direalisasikan di persekitaran atau dunia yang semakin mencabar. Kajian-kajian dilakukan untuk meninjau keupayaan guru memahami pembaharuan kurikulum untuk disampaikan kepada murid secara berkesan. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang selepas ini akan diikuti pula oleh Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) juga tidak akan berjaya tanpa komitmen dan sokongan jitu para guru (Mohd. Fadzly Mohd. Izab, 2011).

Kejayaan dan pencapaian objektif kepada sesuatu pembaharuan kurikulum yang dilaksanakan amat bergantung kepada guru, penggubal kurikulum dan pihak-pihak yang berkaitan dengan penggubalannya (Mohd. Fadzly Mohd. Izab, 2011). Guru sebagai pelaksana kurikulum dan menyampaikannya di sekolah sewajarnya menerima sesuatu pembaharuan kurikulum dengan penuh kesediaan dan komitmen. Kesediaan guru menerima perubahan kurikulum akan dapat menentukan hasrat dan matlamat kerajaan dalam pembaharuan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Kesediaan dan persepsi para guru terhadap perubahan dalam sesuatu kurikulum amat dititikberatkan kerana ini boleh memberi implikasi dan penilaian untuk penambahbaikan pada masa depan. Guru perlu memahami dan menghayati setiap perubahan yang berlaku dalam kurikulum agar dapat diterjemahkan dengan baik dalam proses pembelajaran dan pengajaran (Zuraidah Ramdzan @ Ramban, 2013). Para guru harus menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku dari segi kefahaman, pengetahuan, pelaksanaan dan juga kesediaan serta sikap mereka terhadap sesuatu perubahan.

Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah

Kesediaan dalam kajian ini difokuskan untuk bakal guru iaitu pelajar institut pendidikan guru yang sedang menjalani latihan praktikum. Kesediaan bermaksud kemampuan seseorang untuk menerima sesuatu

perkara dari segi mental fizikal dan emosi. Dalam erti kata yang lebih luas kesediaan dalam konteks guru bermaksud kesanggupan seorang guru memikul tanggungjawab yang meliputi aspek-aspek seperti minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran (Wearmouth, Edwards, & Richmond, 2000). Pengetahuan dan kemahiran merujuk kepada kefahaman, kecekapan dan kepintaran seseorang terhadap sesuatu perkara atau melakukan sesuatu perkara. Sikap dan minat pula merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan semangat dan perasaan jiwa yang kuat.

Menurut Fullan (1993), guru memainkan peranan utama dalam menentukan kualiti implementasi mana-mana polisi pendidikan yang baharu dan sering kali perubahan dalam pendidikan gagal kerana kurangnya perhatian diberikan kepada aspek pelaksanaan, khususnya keperluan para pelaksana. Oleh itu, usaha untuk menyelidiki kesediaan para guru dalam implementasi mana-mana program pendidikan yang baharu perlu dilakukan. Kajian kesediaan ini menggunakan kerangka konsep yang diubah suai daripada model pembelajaran sistematik Dick dan Reiser (1996). Dalam kerangka ini, proses mengenal pasti kesediaan guru berlaku selepas meneliti matlamat, standard kandungan dan penekanan yang hendak dicapai. Empat aspek yang ditekankan dalam kajian ini ialah sikap, minat, pengetahuan dan kemahiran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka Teori Kesediaan Guru
Sumber: Model Pembelajaran Sistematik Dick dan Reiser (1996)

Pernyataan Masalah

Kurikulum Standard Sekolah Rendah telah mula dijalankan untuk Tahun 1 pada tahun 2011 di seluruh Malaysia. Dengan ini sudah pasti guru-guru perlu menyediakan diri dengan perubahan yang berlaku. Kesediaan guru-

guru menerima perubahan akan menentukan kejayaan dan kegagalan kurikulum tersebut. Guru adalah penggerak kepada kesinambungan kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011b). Untuk melaksanakan kurikulum dengan berjaya, guru hendaklah terlebih dahulu memahami dan menghayati falsafah dan matlamat, struktur dan organisasi kurikulum serta kandungannya. Di samping itu guru harus mempunyai pengetahuan tentang subjek pengkhususannya serta kemahiran mengajar. Justeru pengkaji-pengkaji berpendapat bahawa kajian tentang kesediaan pelajar institut pendidikan guru perlu dilakukan kerana pelajar tersebut bakal menyertai dunia pendidikan. Tambahan pula setakat ini masih belum terdapat hasil kajian berkaitan yang sudah didokumentasikan (Sanitah Mohd Yusof & Norsiwati Ibrahim, 2012; Fazliza Che Amat, Zurida Ismail, Nooraida Yakob & Abdul Majeed Ahmad, 2012; Zuraidah Ramdzan @ Ramban, 2013; Norazilawati Abdullah, Noraini Mohd Noh, Mahizer Hamzah, Nik Azmah Nik Yusof & Rumaizah Omar, 2014). Dapatan kajian adalah penting dan dapat membantu para tenaga pengajar menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar sebelum mereka melangkah ke alam sekolah sebagai guru.

Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengkaji kesediaan pelajar institut yang sedang menjalani fasa praktikum terakhir mereka dan bakal menyertai dunia pendidikan di sekolah rendah. Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah tahap kesediaan pelajar institut pendidikan guru daripada aspek minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan KSSR?
2. Adakah terdapat perbezaan min kesediaan yang signifikan antara jantina yang dikaji?
3. Adakah terdapat perbezaan min kesediaan yang signifikan berdasarkan pengkhususan?

Kaedah Kajian

Populasi Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 98 orang pelajar semester 7 yang sedang menjalani praktikum Fasa Tiga selama 12 minggu (2 Februari-1 Mei, 2015) di sekolah rendah daerah Kuching, Samarahan, Padawan, Lundu dan Bau di Sarawak. Sebelum ini mereka pernah melalui praktikum Fasa Satu selama empat minggu dan Fasa Dua selama lapan minggu di sekolah-sekolah rendah daerah Kuching, Samarahan, Padawan, Bau dan Lundu. Daripada 98 orang pelajar tersebut, 37 orang (37.8%) merupakan pelajar lelaki dan 61 orang (62.2%) perempuan. Dari segi pengkhususan, 25 orang (25.5%) merupakan pelajar pengkhususan bahasa Cina (BC), 53 orang (54.15) pengkhususan bahasa Inggeris (BI) dan 20 orang (20.4%)

pengkhususan bahasa Melayu (BM). Seramai 20 orang pelajar pengkhususan Prasekolah semester 7 yang tidak terlibat dalam kajian sebenar dipilih sebagai responden dalam kajian rintis untuk menguji kesesuaian soal selidik ini.

Instrumen Kajian

Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik yang diubah suai berdasarkan tinjauan literatur yang berkaitan dengan kesediaan guru dalam pelaksanaan KSSR (Sanitah Mohd Yusof & Norsiwati Ibrahim, 2012; Fazliza Che Amat, Zurida Ismail, Nooraida Yakob & Abdul Majeed Ahmad, 2012; Norazilawati Abdullah, Noraini Mohd Noh, Mahizer Hamzah, Nik Azmah Nik Yusof & Rumaizah Omar, 2014). Set soal selidik terdiri daripada dua bahagian utama iaitu Bahagian I bagi mendapat maklumat latar belakang responden iaitu jantina, fasa praktikum dan pengkhususan. Bahagian II mengandungi 44 item untuk mengesan kesediaan responden. Responden dikehendaki memberi respons kepada setiap item dengan menggunakan skala Likert lima mata mengikut susunan “sangat tidak setuju” sehingga “sangat setuju”. Bahagian ini dibahagi kepada empat domain yang merangkumi kesediaan guru dari segi minat (12 item), sikap (13 item), pengetahuan (11 item) dan kemahiran (8 item). Perisian *Statistical Packages for the Social Science* (SPSS) versi 20 digunakan untuk menganalisis data dan dibentangkan dalam bentuk taburan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Nilai pekali kebolehpercayaan ‘*Cronbach Alpha*’ yang diperolehi bagi kajian rintis ($N = 20$) ialah .92 (minat), .89 (sikap), .93 (pengetahuan) dan .94 (kemahiran). Ini menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi. Sementara itu, nilai pekali kebolehpercayaan bagi sampel kajian ditunjukkan dalam Jadual 1. Nilai ‘*Cronbach Alpha*’ untuk empat aspek kesediaan yang berada dalam lingkungan .88 hingga .94 juga menunjukkan bahawa instrumen kajian tersebut mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi.

Jadual 1

Nilai pekali kebolehpercayaan ‘Cronbach Alpha’ bagi instrumen kajian (N=98)

Bil.	Item	Nilai ‘ <i>Cronbach Alpha</i> ’	Bilangan Item
1	Kesediaan guru dari aspek minat	0.88	12
2	Kesediaan guru dari aspek sikap	0.86	13
3	Kesediaan guru dari aspek pengetahuan	0.90	11
4	Kesediaan guru dari aspek kemahiran	0.94	8

Analisis Data

Data yang dikutip dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan dilapor dalam bentuk taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Ujian-*t* digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan min tahap kesediaan mengikut jantina dan pengkhususan responden. Bagi menentukan tahap kesediaan yang ditunjukkan oleh responden, skala ala-Likert 5 mata telah dibahagikan kepada 3 kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Penentuan Tahap Kesediaan

Kategori	Julat Min
Rendah	1.00 – 2.99
Sederhana	3.00 – 3.99
Tinggi	4.00 – 5.00

Dapatan Kajian

Kesediaan Pelajar dari Aspek Minat dalam Pelaksanaan KSSR

Berdasarkan analisis data kesediaan pelajar dari aspek minat dalam pelaksanaan KSSR didapati skor min keseluruhannya adalah pada tahap tinggi iaitu 4.20 dan sisihan piawai 0.50 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Taburan data yang kecil pada sisihan piawainya menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai minat yang positif terhadap pelaksanaan dalam KSSR. Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi semua item berada pada paras tinggi iaitu melebihi 4.00. Namun tidak terdapat sebarang item yang mendapat skor min melebihi 4.50. Semua item memperoleh skor min tinggi yang sederhana kecuali item 7 “Saya berminat mengajar subjek saya apabila berlaku perubahan kurikulum dari KBSR kepada KSSR” mendapat skor min paling rendah iaitu 4.04. Ini bermakna para guru selesa dengan kurikulum yang sedia ada dan apabila berlaku transformasi mereka agak sukar untuk menerimanya pada peringkat permulaan transformasi kurikulum tersebut. Hakikat ini ternyata benar berdasarkan skor min item 1 “Saya sangat berminat untuk mengajar subjek saya dalam KSSR” yang mendapat skor min yang tertinggi iaitu 4.30. Dapatan menunjukkan bahawa responden memberi respons sangat tidak setuju, tidak setuju atau kurang setuju kepada item-item 3, 4, 7, dan 10 adalah agak tinggi iaitu 14.2%, 13.2%, 16.3%, dan 21.4% masing-masing. Ini bermakna responden masih tidak atau belum bersedia dari segi minat dalam pelaksanaan KSSR. Situasi yang begini dikhuatiri boleh menjejaskan

pelaksanaan KSSR kerana pada tahun 2015 pelaksanaan KSSR telah berjalan selama lima tahun dan pada tahun 2016 semua kelas yang berada di sekolah rendah akan menggunakan KSSR sepenuhnya (Norazilawati Abdullah, Noraini Mohd Noh, Mahizer Hamzah, Nik Azmah Nik Yusuf & Rumaizah Omar, 2014). Ini bermakna semua guru atau bakal guru sepatutnya sudah bersedia untuk menghadapinya dari segi mental dan fizikal agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan berkesan di dalam kelas. Item 10 "Saya berminat mengajar subjek saya kerana ini merupakan subjek pilihan utama saya" mendapat respons negatif yang paling tinggi (21.4%) adalah membimbangkan kerana ini boleh memberi kesan kepada profesion keguruan secara menyeluruh (Fazliza Che Amat, Zurida Ismail, Nooraida Yakob & Abdul Majeed Ahmad, 2012). Hal yang menyebabkan berlaku keadaan ini perlu diberi perhatian dan diambil tindakan segera oleh pihak tertentu demi kebaikan pendidikan negara dalam jangka masa panjang.

Jadual 3

Min dan Sisihan Piawai bagi Kesiediaan dari Aspek Minat dalam Pelaksanaan KSSR (N = 98)

No. Item	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
1	Saya sangat berminat untuk mengajar subjek saya dalam KSSR	1 (1)	0 (0)	4 (4.1)	47 (48.0)	46 (46.9)	4.40	0.67
2	Saya sangat berminat mengajar kelas KSSR kerana ini merupakan satu cabaran bagi memenuhi kehendak matlamat KSSR	1 (1)	0 (0)	5 (5.1)	50 (51.0)	42 (42.9)	4.35	0.63
3	Saya menawarkan diri untuk mengajar kelas subjek saya dalam KSSR kerana minat yang mendalam terhadap subjek saya	0 (0)	2 (2)	12 (12.2)	53 (54.1)	31 (31.6)	4.15	0.71
4	Saya berminat mengajar subjek saya kerana pengalaman yang ada pada saya	1 (1)	0 (0)	12 (12.2)	59 (60.2)	26 (26.5)	4.11	0.69
5	Saya berpuas hati semasa mengajar subjek saya dalam KSSR	0 (0)	0 (0)	8 (8.2)	59 (60.2)	31 (31.6)	4.23	0.59
6	Saya dapat menyebarkan kurikulum baharu dengan mudah kerana memahami isi kandungan	0 (0)	0 (0)	6 (6.1)	66 (67.2)	26 (26.5)	4.20	0.54

7	Saya berminat mengajar subjek saya apabila berlaku perubahan kurikulum dari KBSR kepada KSSR	3 (3.1)	1 (1)	12 (12.2)	55 (56.1)	27 (27.6)	4.04	0.85
8	Saya berminat mengajar subjek saya kerana ini merupakan opsyen saya ketika belajar di institut	1 (1)	0 (0)	10 (10.2)	53 (54.1)	34 (34.7)	4.21	0.71
9	Saya amat berminat mengajar subjek saya kerana saya telah mengikuti kursus subjek saya ketika di institut	0 (0)	0 (0)	6 (6.1)	56 (57.1)	36 (36.7)	4.30	0.58
10	Saya berminat mengajar subjek saya kerana ini merupakan subjek pilihan utama saya	1 (1)	3 (3.1)	17 (17.3)	42 (42.9)	35 (35.7)	4.09	0.86
11	Saya berminat mengajar subjek saya kerana dapat menggunakan pelbagai bentuk strategi pengajaran dan pembelajaran	0 (0)	0 (0)	8 (8.2)	58 (59.2)	32 (32.7)	4.22	0.59
12	Saya berminat mengajar subjek saya kerana merupakan cabaran kepada saya	1 (1)	2 (2)	8 (8.2)	58 (59.2)	29 (29.6)	4.12	0.73
Min Keseluruhan							4.20	0.50

Nota. SP = Sisihan Piawai; Peratusan adalah dalam kurungan

Kesediaan Pelajar dari Aspek Sikap dalam Pelaksanaan KSSR

Secara amnya dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan responden dari segi sikap berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.16 dan sisihan piawai 0.44 seperti yang terdapat dalam Jadual 4. Semua item seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 mendapat skor min 4 ke atas. Item “Saya merujuk kepada sukatan pelajaran bagi memastikan pemahaman dalam penyampaian ilmu pengajaran mengikut kehendak kurikulum” memperoleh skor min paling tinggi iaitu 4.30 dan sisihan piawai 0.58. Ini menunjukkan bahawa sukatan pelajaran atau yang dikenali sebagai dokumen standard dalam KSSR masih merupakan dokumen rujukan yang penting bagi pelajar institut pendidikan guru manakala Item “Saya kerap terlibat dalam mesyuarat, taklimat dan aktiviti-aktiviti berkaitan subjek saya di sekolah” mendapat skor min yang paling rendah iaitu 4.00 dan sisihan piawai 0.44.

Jadual 4

Min dan Sisihan Piawai bagi Kesiediaan dari Aspek Sikap dalam Pelaksanaan KSSR (N = 98)

No. Item	Item	ST S	TS	KS	S	SS	Min	SP
13	Saya berasa selesa mengajarkan subjek saya dengan perubahan sukatan pelajaran yang baharu dalam KSSR	0 (0)	2 (2)	12 (12.2)	55 (56.1)	29 (29.6)	4.13	0.70
14	Saya lebih yakin mengajarkan subjek saya di dalam kelas dengan perubahan KBSR kepada KSSR	1 (1)	3 (3.1)	11 (11.2)	53 (54.1)	30 (30.6)	4.10	0.79
15	Saya membuat persediaan rapi sebelum mengajar bagi memastikan pengajaran berjalan dengan lancar dan berkesan	0 (0)	0 (0)	5 (5.1)	62 (63.3)	31 (31.6)	4.27	0.54
16	Saya membuat persediaan rapi dalam penyediaan bahan bantu mengajar agar pembelajaran lebih berkesan	0 (0)	1 (1)	3 (3.1)	62 (63.3)	32 (32.7)	4.28	0.57
17	Saya merujuk kepada sukatan pelajaran bagi memastikan pemahaman dalam penyampaian ilmu pengajaran mengikut kehendak kurikulum	0 (0)	0 (0)	6 (6.1)	56 (57.1)	36 (36.7)	4.30	0.58
18	Saya sentiasa membuat inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran subjek saya selaras dengan sukatan pelajaran terbaharu	0 (0)	0 (0)	10 (10.2)	59 (60.2)	29 (29.6)	4.19	0.60
19	Saya membuat kajian tindakan mengenai kebolehan murid bagi memastikan penilaian terhadap murid berkesan bersesuaian dengan kehendak KSSR	0 (0)	0 (0)	7 (7.1)	63 (64.3)	28 (28.6)	4.21	0.56
20	Saya bersedia untuk mengikuti kursus pemantapan pengajaran dan pembelajaran bagi memantapkan lagi pengetahuan saya	0 (0)	1 (1)	7 (7.1)	56 (57.1)	34 (34.7)	4.26	0.63
21	Saya bersedia mengikuti kursus berkaitan subjek saya demi meningkatkan kemahiran saya	0 (0)	1 (1)	10 (10.2)	55 (56.1)	32 (32.7)	4.20	0.66

22	Saya berbincang dengan rakan sealaran bagi membuat refleksi isi kandungan pengajaran dan pembelajaran subjek saya dalam KSSR	0 (0)	1 (1)	9 (9.2)	55 (56.1)	33 (33.7)	4.22	0.65
23	Pelaksanaan KSSR menimbulkan masalah kepada guru	2 (2)	8 (8.2)	19 (19.4)	47 (38)	21 (21.4)	4.20	0.41
24	Saya kerap terlibat dalam mesyuarat, taklimat dan aktiviti-aktiviti berkaitan subjek saya di sekolah	0 (0)	2 (2)	18 (18.4)	56 (57.1)	22 (22.4)	4.00	0.70
25	Saya selalu menganalisis pencapaian murid untuk tindakan susulan	0 (0)	0 (0)	11 (11.2)	61 (62.2)	26 (26.5)	4.15	0.60
Min Keseluruhan							4.16	0.44

Nota. SP = Sisihan Piawai; Peratusan adalah dalam kurungan

Responden juga berpendapat bahawa persediaan rapi dan bahan bantu mengajar amat penting bagi memastikan pengajaran berjalan lancar dan berkesan berdasarkan skor min bagi item “Saya membuat persediaan rapi sebelum mengajar bagi memastikan pengajaran berjalan dengan lancar dan berkesan” dan “Saya membuat persediaan rapi dalam penyediaan bahan bantu mengajar agar pembelajaran lebih berkesan” yang mendapat skor min 4.27 dan 4.28 masing-masing. Walaupun dari segi sikap, sebanyak 59.4% responden mengakui pelaksanaan KSSR menimbulkan masalah kepada guru, namun mereka tetap menerima transformasi kurikulum itu dengan sikap yang positif berdasarkan skor min yang diperolehi bagi item-item 13, 14, 19, 20, 21 dan 22. Pelajar institut pendidikan guru juga menunjukkan sikap positif dan sanggup mengikuti kursus untuk memantapkan lagi kemahiran dan pengetahuan mereka.

Kesediaan Pelajar dari Aspek Pengetahuan dalam Pelaksanaan KSSR

Tahap kesediaan guru dari segi pengetahuan berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.14 dan sisihan 0.44 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Tiada responden yang memberi skor “sangat tidak setuju” (STS) kepada item-item dalam aspek ini. Item “Saya sentiasa bersedia untuk berkongsi pengetahuan dengan guru-guru lain tentang sukatan pelajaran subjek saya dalam KSSR” mencatatkan skor min paling tinggi iaitu 4.59, diikuti oleh item “Saya mempunyai pengetahuan untuk memotivasikan murid belajar subjek saya” dan “Saya perlu belajar untuk menambah pengetahuan tentang pelaksanaan KSSR” dengan skor min 4.54 dan 4.33 masing-masing. Ini menunjukkan bahawa responden sentiasa berpandangan positif dan sanggup berkongsi pengetahuan. Mereka juga sedar dan mengakui hakikat bahawa mereka masih kurang lengkap dari segi pengetahuan berkaitan dengan pengendalian ujian atau penilaian mengikut band yang

terkandung dalam KSSR. Sebanyak 16.3% responden mengakui bahawa mereka kurang setuju dengan item “Saya mempunyai pengetahuan untuk mengendalikan ujian-ujian dan penilaian murid” dan “Saya boleh mengendalikan ujian-ujian mengikut band yang telah ditetapkan dalam KSSR”. Begitu juga dengan pengetahuan dan kefahaman tentang isi pelajaran dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 11.2% responden kurang setuju dengan item “Saya mempunyai pengetahuan untuk meningkatkan penguasaan murid dalam subjek saya” dan “Saya mempunyai pengetahuan dalam menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat murid”.

Jadual 5

Min dan Sisihan Piawai bagi Kesiediaan dari Aspek Pengetahuan dalam Pelaksanaan KSSR (N = 98)

No. Item	Item	TS	KS	S	SS	Min	SP
26	Saya mempunyai pengetahuan bagi mengajarkan subjek saya dalam KSSR	0 (0)	9 (9.2)	64 (65.4)	25 (25.5)	4.16	0.57
27	Saya berkecukupan untuk mengajarkan subjek saya dengan berkesan	0 (0)	10 (10.2)	64 (65.4)	24 (24.5)	4.14	0.57
28	Saya mempunyai kefahaman yang jelas tentang setiap topik dan item	0 (0)	8 (8.2)	68 (69.4)	22 (22.4)	4.14	0.53
29	Saya mempunyai pengetahuan untuk memotivasikan murid belajar subjek saya	0 (0)	9 (9.2)	66 (67.3)	23 (23.5)	4.54	0.41
30	Saya mempunyai pengetahuan untuk meningkatkan penguasaan murid dalam subjek saya	0 (0)	11 (11.2)	66 (67.3)	21 (21.4)	4.10	0.57
31	Saya mempunyai pengetahuan dalam menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat murid	0 (0)	11 (11.2)	64 (65.3)	23 (23.5)	4.12	0.58
32	Saya sentiasa bersedia untuk berkongsi pengetahuan dengan guru-guru lain tentang sukatan pelajaran subjek saya dalam KSSR	0 (0)	8 (8.2)	63 (64.3)	27 (27.5)	4.59	0.41
33	Saya mempunyai pengetahuan dalam menyampaikan ilmu subjek saya kepada murid	0 (0)	9 (9.2)	64 (65.3)	25 (25.5)	4.16	0.57
34	Saya mempunyai pengetahuan untuk mengendalikan ujian-ujian dan penilaian murid	0 (0)	16 (16.3)	58 (59.2)	24 (24.5)	4.08	0.64
35	Saya boleh mengendalikan ujian-ujian mengikut band yang telah ditetapkan dalam KSSR	1 (1)	16 (16.3)	62 (63.3)	19 (19.4)	4.01	0.63

36	Saya perlu belajar untuk menambah pengetahuan tentang pelaksanaan KSSR	0 (0)	4 (4.1)	58 (59.2)	36 (36.7)	4.33	0.55
Min Keseluruhan						4.14	0.44

Nota. SP = Sisihan Piawai; Peratusan adalah dalam kurungan

Kesediaan Pelajar dari Aspek Kemahiran dalam Pelaksanaan KSSR

Berkaitan dengan kesediaan responden dari aspek kemahiran dalam pelaksanaan KSSR, hasil kajian mencatatkan min keseluruhan pada tahap tinggi dengan skor min $M = 4.14$ dan sisihan piawai 0.54 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Semua item seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6 mendapat skor min dalam lingkungan 4.10-4.20 kecuali item "Saya mempunyai kemahiran penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran" (4.21) dan "Saya berkemahiran membuat analisis pencapaian murid mengikut band yang telah ditetapkan dalam KSSR" (4.08). Item "Saya berkemahiran membuat analisis pencapaian murid mengikut band yang telah ditetapkan dalam KSSR" mencatatkan peratusan tidak setuju yang paling tinggi (12.2%). Ini menunjukkan bahawa responden bukan sahaja menghadapi masalah dari segi pengetahuan untuk mengendalikan ujian dan membuat penilaian mengikut band yang ditetapkan dalam KSSR malah mereka juga kurang mahir dari aspek kemahiran menganalisis penilaian dan ujian. Band merupakan kategori pencapaian individu murid berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian dan disusun mengikut hierarki.

Jadual 6

Min dan Sisihan Piawai bagi Kesediaan dari Aspek Kemahiran dalam Pelaksanaan KSSR (N = 98)

No. Item	Item	ST S	TS	KS	S	SS	Min	SP
37	Saya mempunyai kemahiran bagi mengajarkan subjek saya dalam KSSR	1 (1)	0 (0)	8 (8.2)	63 (64.3)	26 (26.5)	4.15	0.65
38	Saya mempunyai kemahiran untuk memotivasikan murid supaya seronok belajar subjek saya	1 (1)	0 (0)	9 (9.2)	65 (66.3)	23 (23.5)	4.11	0.64
39	Saya mempunyai kemahiran mengajarkan subjek saya dengan menggunakan teknik mudah	1 (1)	0 (0)	7 (7.1)	65 (66.3)	25 (25.5)	4.15	0.63
40	Saya mempunyai kemahiran dalam mengaplikasikan strategi pembelajaran dalam kelas	1 (1)	0 (0)	8 (8.2)	65 (66.3)	24 (24.5)	4.13	0.64

41	Saya mempunyai kemahiran dalam mengendalikan penggunaan bahan bantu mengajar bagi melancarkan pengajaran dan pembelajaran	1 (1)	0 (0)	8 (8.2)	65 (66.3)	24 (24.5)	4.14	0.59
42	Saya sentiasa bersedia untuk berkongsi kemahiran dengan guru-guru lain tentang sukatan pelajaran subjek saya dalam KSSR	0 (0)	1 (1)	9 (9.2)	67 (68.4)	21 (21.4)	4.10	0.58
43	Saya mempunyai kemahiran penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran	0 (0)	0 (0)	8 (8.2)	61 (62.2)	29 (29.6)	4.21	0.58
44	Saya berkemahiran membuat analisis pencapaian murid mengikut band yang telah ditetapkan dalam KSSR	1 (1)	0 (0)	12 (12.2)	62 (63.3)	23 (23.5)	4.08	0.67
Min Keseluruhan							4.14	0.54

Nota. SP = Sisihan Piawai; Peratusan adalah dalam kurungan

Perbezaan Kesiediaan antara Lelaki dengan Perempuan dalam Pelaksanaan KSSR

Melalui ujian-*t*, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p > .05$) antara pelajar lelaki dengan perempuan dalam kesiediaan secara keseluruhan (Jadual 7). Walaupun skor min pelajar perempuan lebih tinggi ($M = 4.18$) berbanding dengan pelajar lelaki ($M = 4.13$) tetapi perbezaan min sebanyak .05 adalah tidak signifikan.

Jadual 7

Keputusan Ujian-*t* bagi Perbezaan Kesiediaan antara Lelaki dengan Perempuan dalam Pelaksanaan KSSR

Kesiediaan	Lelaki Min (SP)	Perempuan Min (SP)	nilai- <i>t</i> (<i>ts</i>)	Nilai <i>p</i>	Perbezaan Min
Minat	4.15 (0.48)	4.25 (0.51)	- 0.96	0.29	- 1.00
Sikap	4.11 (0.46)	4.20 (0.43)	- 0.97	0.67	- 0.09
Pengetahuan	4.18 (0.45)	4.12 (0.44)	0.72	0.59	0.06
Kemahiran	4.09 (0.60)	4.16 (0.46)	- 0.62	0.45	- 0.07
Kesiediaan Keseluruhan	4.13 (0.43)	4.18 (0.41)	- 0.54	0.72	- 0.05

Nota. *ts* = tidak signifikan, $p > .05$

Hasil dapatan secara lebih terperinci menunjukkan bahawa pelajar lelaki mempunyai kesediaan yang lebih tinggi ($M = 4.18$) dari aspek pengetahuan berbanding dengan perempuan ($M = 4.12$). Sebaliknya pelajar perempuan memperoleh skor min yang lebih tinggi dalam aspek minat, sikap dan kemahiran. Namun perbezaan-perbezaan skor min bagi aspek-aspek tersebut adalah tidak signifikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Kesediaan dalam Pelaksanaan KSSR mengikut Pengkhususan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan ($p = .24$) kesediaan secara keseluruhan antara tiga pengkhususan responden. Jadual 8 menunjukkan keputusan ujian ANOVA bagi setiap aspek kesediaan dalam pelaksanaan KSSR antara pengkhususan. Analisis hasil dapatan secara lebih mendalam menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan kesediaan dari aspek minat ($p = .21$), sikap ($p = .53$), pengetahuan ($p = .36$) dan kemahiran ($p = 1.00$) dalam pelaksanaan KSSR antara pengkhususan. Ini bermakna tahap kesediaan yang dimanifestasikan oleh semua pelajar dari pengkhususan yang berbeza adalah hampir sama. Hal ini wujud berkemungkinan besar kerana mereka menerima input yang sama berdasarkan pro forma yang sama di institut yang sama.

Jadual 8

Keputusan Ujian ANOVA sehalu bagi Perbezaan Min Kesediaan dalam Pelaksanaan KSSR mengikut Pengkhususan

	Min kuasa dua	F	Nilai p
Minat	.39	1.59	.21
Sikap	.12	.63	.53
Pengetahuan	.21	1.04	.36
Kemahiran	.63	2.39	1.00
Kesediaan Keseluruhan	.25	1.44	.24

Nota. $df = (2, 95)$; ts = tidak signifikan, $p > .05$

Perbincangan dan Kesimpulan

Berdasarkan julat min yang telah ditetapkan didapati bahawa skor min pelajar institut dalam pelaksanaan KSSR berada pada tahap tinggi dengan 4.16 sebagai skor min keseluruhannya. Keempat-empat aspek kesediaan iaitu minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran menunjukkan skor min yang agak sekata iaitu dalam lingkungan 4.14 - 4.20 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9

Purata min setiap aspek kesediaan

Aspek Kesediaan	Min	Tahap
Minat	4.20	Tinggi
Sikap	4.16	Tinggi
Pengetahuan	4.14	Tinggi
Kemahiran	4.14	Tinggi
Min Keseluruhan		4.16

Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kesediaan yang amat baik dalam pelaksanaan KSSR. Transformasi kurikulum ini memerlukan keupayaan dan kebolehan guru-guru dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan bagi mencapai standard pembelajaran. Oleh itu guru haruslah mempunyai kesediaan yang cukup dari aspek minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran kerana aspek-aspek itulah yang akan menjana ke arah keupayaan guru untuk melaksanakan amalan strategi pengajaran KSSR. Perubahan kurikulum yang berwajah baharu dan berjalan seiring dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) ini menuntut perubahan minda, sikap dan persepsi bagi memastikan segala perancangan dan perubahan yang dicadangkan itu menjadi kenyataan dengan harapan para guru bersedia berusaha ke arah itu. Kemahiran guru memilih strategi dan kaedah mengajar dan bersedia mengaplikasikan pelbagai unsur kecerdasan dengan mengambil kira gaya pembelajaran, minat dan tahap pencapaian murid boleh membantu perubahan yang membawa kepada pencapaian standard dalam KSSR.

Cadangan

Beberapa aspek perlu diperhalusi dan disemak semula, dengan harapan KSSR akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan seperti aspek kesediaan guru, bahan kurikulum, dan infostruktur dan infrastruktur (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011b). Latihan dalam perkhidmatan haruslah berorientasikan *hands-on* memandangkan guru akan sentiasa menjadi tulang belakang dan tumpuan dalam pelaksanaan KSSR. Latihan dalam perkhidmatan berbentuk ceramah, taklimat dan kursus aras komunikasi dua hala terhad perlu diamalkan untuk menjamin keberkesanan input latihan (Dayang Farzeeha Ali, Cheng & Mohd. Nur Khaliz Hussin, 2014). Gaya pengajaran guru dengan gaya pembelajaran murid menerusi pelaksanaan KSSR mestilah sentiasa akur dan sejajar. Keperluan untuk pengubahsuaian kaedah latihan adalah bertujuan untuk mengurangkan

kecairan maklumat dan sekaligus memberikan input secukupnya untuk melaksanakan KSSR dengan lebih berkesan.

Selain itu, penyediaan bahan kurikulum yang lebih mantap dan mesra pengguna akan dapat memberikan banyak kelebihan kepada guru dan juga murid. Dengan ini disyorkan Pusat Pembangunan Kurikulum akan bertindak ke arah tersebut. Bahan kurikulum yang digunakan sekarang adalah terdiri daripada dokumen standard, modul pengajaran dan modul pembelajaran. Ketiga-tiga bahan kurikulum ini adalah hasil daripada penambahbaikan daripada bahan kurikulum KBSR.

Perubahan kurikulum atau lebih dikenali sebagai satu transformasi kurikulum adalah suatu perkara yang memang dijangka akan berlaku. Seajar dengan perubahan arus permodenan negara yang menuju ke arah sebuah negara maju serta mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi, sudah pasti sokongan yang amat kuat diperlukan dalam sistem pendidikan bagi melahirkan modal insan yang benar-benar mantap dari semua aspek kehidupan. Namun dalam merangka perubahan kurikulum, pelbagai aspek harus dipertimbangkan sebelum sesuatu keputusan dibuat agar dapat dilaksanakan dengan baik. Peranan semua pihak terutamanya Pusat Pembangunan Kurikulum yang secara langsung berhadapan dengan kurikulum dan pelaksana yang sentiasa bersedia menerima perubahan.

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang meninjau kesediaan pelajar institut pendidikan guru yang sedang menjalani praktikum Fasa 3 di daerah Kuching, Padawan, Samarahan, Bau dan Lundu di Sarawak. Populasi kajian terdiri daripada pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL) ambilan Januari 2012 pengkhususan bahasa Cina (BC), Inggeris (BI) dan Melayu (BM). Dapatan analisis atau hasil kajian yang diperoleh hanya sesuai untuk responden tersebut. Oleh itu sebarang generalisasi terhadap dapatan kajian perlulah dilakukan dengan berhati-hati. Selain itu, kajian ini hanya merupakan tinjauan persepsi pelajar institut terhadap kesediaan mereka dalam pelaksanaan KSSR, dan tidak sama sekali dapat mengukur kesediaan minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran mereka.

Rujukan

- Dick, W. & Reiser, L. (1996). *The systematic design of instructions* (4th ed.). New York: Harper Collins College Publisher.
- Dayang Farzeeha Ali, Cheng, L. Y. & Mohd. Nur Khaliz Hussin (2014). *Persepsi guru-guru terhadap sistem KBSR dan KSSR: satu kajian tinjauan dari aspek kurikulum, kesediaan guru dan pelaksanaannya*. Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 9-10 April 2014. Johor.

- Fazliza Che Amat, Zurida Ismail, Nooraida Yakob & Abdul Majeed Ahmad (2012). *Pelaksanaan Sains KSSR tahun satu: satu tinjauan awal*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA 8-9 Oktober 2012. UTM.
- Fullan, M. G. (1993). Why teachers must become change agents. *Educational Leadership*, 50(6), 1-13.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). *Laporan awal pelan Pendidikan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011a). *Kurikulum standard sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011b). *Laporan pelaksanaan penyebaran KSSR dan PBS*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd. Fadzly Mohd. Izab. (2011). *Peranan guru jana transformasi pendidikan*. (2011, Mei 26). Utusan Malaysia, m/s 14.
- Norazilawati Abdullah, Noraini Mohd Noh, Mahizer Hamzah, Nik Azmah Nik Yusuf & Rumaizah Omar (2014). Kesediaan guru Sains dan Matematik dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 4(1), 81-96
- Sanitah Mohd Yusof & Norsiwati Ibrahim. (2012). Kesediaan guru Matematik tahun satu dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di Daerah Kluang. *Journal of Science and Mathematics Education*, 6(2), 26-38.
- Wearmouth, L., Edwards, R. & Richmond, A. (2000). Teachers' professional development to support inclusive practices. *Journal of In-service Education*, 26 (1), 49-61.
- Zuraidah Ramdzan @ Ramban. (2013). *Kesediaan, amalan dan strategi pengajaran pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah tahun satu*. Skudai: UTM